

Hentikan perbalahan akibat perbezaan mazhab – PM

UM-7/11/2006

Jangan biarkan perbezaan mazhab memecahbelahkan kita. Selesaikan dahulu segala isu dan bolehlah kita berbincang mengenai perpaduan dan kerjasama

ABDULLAH
AHMAD
BADAWI
Perdana
Menteri

Daripada ZULKEFLI HAMZAH

ISLAMABAD 6 Nov. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta negara-negara Islam menghentikan sama sekali segala bentuk perbalahan dan permusuhan akibat perbezaan mazhab kerana ia hanya melemahkan perpaduan dan ekonomi ummah.

Beliau yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menegaskan, perbuatan membezakan mazhab sehingga meretakkan hubungan dalam masyarakat Islam seperti yang berlaku di beberapa buah negara tidak boleh dibiarkan.

Menjawab soalan peserta sidang pleno Forum Ekonomi Dunia Islam (WIEF) kedua di Pusat Konvensyen Jinnah di sini hari ini, Abdullah berkata, setiap isu dan masalah yang timbul di kalangan masyarakat Islam harus dicari jalan penyelesaiannya.

“Jangan biarkan perbezaan mazhab memecahbelahkan kita. Selesaikan dahulu segala isu dan bolehlah kita berbincang mengenai perpaduan dan kerjasama,” tegasnya yang disambut tepukan kira-kira 600 peserta forum tiga hari itu yang bermula semalam.

Sidang pleno itu yang membahaskan topik *Cabaran Kepimpinan Islam Global* turut disertai oleh Presiden Pakistan, Pervez Musharraf;

Perdana Menteri, Shaukat Aziz; bekas Perdana Menteri Australia, Bob Hawk dan bekas Presiden Sri Lanka, Chandrika Kumaratunga.

Abdullah yang diberi penghargaan menyampaikan ucapan khas bertajuk *Meningkatkan Persaingan Global dan Perdagangan Antara Negara Islam* di sini semalam, kini dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke Pakistan.

Mengenai OIC, Perdana Menteri berkata, sudah tiba masanya organisasi itu yang begitu lama sinonim dengan politik negara Islam berubah menjadi pertubuhan yang mementingkan soal ekonomi.

Kata Abdullah, negara Islam mesti mengambil segala peluang ekonomi terutama untuk menghapuskan kemiskinan yang membelenggu kebanyakan negara Islam.

Musharraf semasa bercakap mengenai isu yang sama berkata, OIC merupakan satu-satunya mekanisme yang boleh menyatukan dunia Islam terutama membantu negara anggota kurang membangun keluar daripada kepompong kemiskinan.

“Saya bersetuju sepenuhnya dengan Abdullah. Kini perpaduan tidak ada langsung. Bagaimana anda hendak menyumbang?” tegasnya sambil menambah pembangunan ekonomi di negara-negara Islam perlu diatasi segera.

– Utusan